

22 MAY 2000

Ling-Letak jawatan

DR LING SERAH SURAT PELETAKAN JAWATAN KEPADA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

"Keputusan saya tidak berubah," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Ditanya sebab-sebab beliau mengambil keputusan itu, Dr Ling dengan tenang berkata: "Belum masanya untuk diberitahu."

Beliau sebelum itu menerima kunjungan rombongan pemimpin-pemimpin MCA yang diketuai timbalan presiden parti itu Datuk Lim Ah Lek, di pejabatnya untuk memujuk beliau supaya menarik balik keputusannya.

Dr Ling telah memaklumkan keputusannya untuk meletak jawatan kabinet pada mesyuarat majlis presiden MCA yang turut dihadiri anggota jawatankuasa pusat parti di ibu pejabat MCA pada tengah hari.

Presiden MCA itu juga tidak memberi sebarang jawapan ketika ditanya mengenai reaksi Dr Mahathir ketika beliau menemuinya untuk menyatakan hasrat beliau mahu meletak jawatan.

Dr Ling hanya berkata perbincangan beliau dengan perdana menteri ketika itu amat baik.

Ketika ditanya mengenai perasaannya setelah mengumumkan keputusan untuk meletakkan jawatan, Dr Ling berkata: "...amat gembira kerana masa untuk beredar telah sampai."

Beliau kemudian meninggalkan pejabatnya dengan diiringi pengawal peribadi serta pemandunya.

Antara pemimpin parti yang turut kelihatan bersama rombongan Lim menemui Dr Ling ialah naib presiden Datuk Ong Ka Ting, Datuk Fong Chan Onn, Datuk Chan Kong Choy serta beberapa anggota jawatankuasa pusat parti.

-- BERNAMA

RZS AHH RON